

# Penglibatan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Terhadap Isu Turkestan Timur

## [The Involvement of The Malaysian Islamic Youth (ABIM) on The East Turkestan Issue]

**BITARA**

Volume 8, Issue 1, 2025: 12-19  
 © The Author(s) 2025  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 5 December 2024  
 Accepted: 30 December 2024  
 Published: 16 January 2025

Siti Muliani Abdul Ghani<sup>1\*</sup> & Syahrin Said<sup>1</sup>

1 Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.  
 E-mail: ctmuliani19@gmail.com; syahrin@umt.edu.my

\*Corresponding Author: ctmuliani19@gmail.com

### Abstrak

Sejak penindasan kemanusiaan melibatkan agama, budaya, ekonomi dan pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku ke atas Muslim Uyghur, maka hadirnya pelbagai jenis pertubuhan bukan kerajaan atau organisasi bukan kerajaan (NGO) termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), menjalankan aktiviti bantuan kemanusiaan. NGO memainkan peranan yang signifikan di peringkat global, bertindak sebagai kuasa moral yang berusaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan manusia secara holistik termasuk di Turkestan Timur. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk penglibatan dan sumbangan ABIM dalam usaha menyelesaikan isu kemanusiaan dihadapi Muslim Uyghur. Isu berlaku di Turkestan Timur sedang hangat berlaku, namun jarang mendapat perhatian umum berbanding dengan isu Rohingya, Palestin, Syria dan sebagainya. Buktinya, apabila menggunakan carian melalui pangkalan data pencarian berkenaan Rohingya dan Palestin menemukan hasil lebih tiga kali ganda bilangan berbanding pencarian berkenaan Muslim Uyghur. Ini jelas menunjukkan, kekurangan dapatan data yang mendalam tentang isu Muslim Uyghur turut mencerminkan kurangnya kepekaan dan pendedahan secara meluas masyarakat dunia tentang situasi kemanusiaan yang dihadapi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan kaedah temu bual secara mendalam bersama seorang pegawai tertinggi ABIM dan penyelidikan daripada sumber primer dan sumber sekunder ABIM seperti surat rasmi, laporan tahunan, bahan ilmiah, buku dan sebagainya. Hasil kajian telah berjaya mengenal pasti terdapat pelbagai bentuk usaha bantuan kemanusiaan diperjuangkan oleh ABIM bagi membantu Muslim Uyghur membangun kembali kehidupan mereka yang melibatkan pendidikan, sosial dan keselamatan, dengan penghasilan pelbagai buku menerangkan tentang Turkestan Timur kepada umum. Penglibatan aktif ABIM melalui aktiviti yang dijalankan telah meningkatkan kesedaran kepada seluruh diaspora mengenai isu kemanusiaan yang dihadapi Muslim Uyghur di wilayah mereka adalah isu sejagat seperti mana isu Palestin.

**Kata kunci:** Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Turkestan Timur, Bantuan Kemanusiaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

### Abstract

Since the oppression of humanity involving religion, culture, economy, and human rights violations that have occurred to Uyghur Muslims, the presence of various types of non-governmental organizations (NGOs), including the Malaysian Islamic Youth Force (ABIM), has led to the implementation of humanitarian aid activities. NGOs play a significant role globally, acting as a moral force that strives to improve the quality of human life holistically, including in East Turkestan. The main objective of this study is to identify the forms of ABIM's involvement and contributions in efforts to resolve humanitarian issues faced by Uyghur Muslims. The problems occurring in East Turkestan are

currently hotly debated but rarely receive public attention compared to the issues of Rohingya, Palestine, Syria, and so on. The proof is that when using a search through the database, searches regarding Rohingya and Palestine found more than three times the number of results compared to searches regarding Uyghur Muslims. This clearly shows that the lack of in-depth data on the Uyghur Muslim issue also indicates the lack of understanding and widespread exposure by the world community about the humanitarian situation faced. This study uses a qualitative approach, involving in-depth interviews with a top ABIM official and research from primary and secondary ABIM sources such as official letters, annual reports, scholarly materials, books, etc. The results of the study have successfully identified that there are various forms of humanitarian aid efforts championed by ABIM to help Uyghur Muslims restore their lives, involving education, social, and security, with the production of multiple books explaining East Turkestan to the public. ABIM's active involvement through the activities has raised awareness among the entire diaspora about the humanitarian issues facing Uyghur Muslims in their region, which are universal issues like the Palestinian issue.

**Keywords:** Islamic Youth of Malaysia (ABIM), East Turkestan, Humanitarian Aid, Non-Governmental Organization (NGO)



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

#### Cite This Article:

Siti Muliani Abdul Ghani & Syahrin Said. (2025). Penglibatan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Terhadap Isu Turkestan Timur [The Involvement of The Malaysian Islamic Youth (ABIM) on The East Turkestan Issue]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 12-19.

## Pengenalan

Isu kemanusiaan berlaku ke atas Muslim Uyghur di Turkestan Timur menyebabkan mereka berhadapan dengan kehidupan *dystopia* untuk meneruskan kehidupan. Apabila terdapat pelbagai dasar baharu yang dilaksanakan melibatkan larangan melaksanakan ibadah puasa bagi etnik Muslim Uyghur, bahkan seluruh restoran dan tempat makan di Turkestan diharuskan untuk tetap beroperasi pada bulan Ramadhan (Fiadi, 2022). Menurut Acim (2019) masjid juga dikawal ketat oleh polis dan tentera untuk melarang masyarakat Muslim daripada beribadah dan melakukan aktiviti keagamaan. Larangan tersebut kerana dikaitkan dengan membawa simbol ekstremisme agama. Layanan yang diberikan pemerintah China ke atas Muslim Uyghur sangat berbeza yang mana melihat status kedudukan, tidak sepetimana layanan dikemukakan masyarakat Islam terhadap golongan Yahudi dan Nasrani (Abdullah, 2023).

Selain itu, isu kemanusiaan berlaku menyebabkan kemerosotan hubungan antara pemerintah China dengan Muslim Uyghur serta negara-negara Islam lain (Wang, 2022). Akhirnya, ia membawa kepada penindasan seperti langkah keselamatan yang ketat telah dikenakan. Oleh itu, ia mendorong ramai Muslim Uyghur mencari suaka di negara ketiga lain dan negara jiran. Hubungan yang tidak baik antara Muslim Uyghur dengan pemerintah China turut mendatangkan kesan kepada hubungan NGO antarabangsa, sehingga timbul suatu anggapan bahawa pemerintah China menolak kesemua bantuan yang ingin diberikan NGO kepada Muslim Uyghur. Menurut McCabe dan Deng (2018) NGO yang membantu hak asasi

manusia sentiasa dilihat sebagai penentang kepentingan atau dianggap sebagai ancaman kepada sesebuah negara.

Kajian ini untuk mengenal pasti bentuk-bentuk penglibatan dan sumbangan ABIM dalam usaha menyelesaikan isu kemanusiaan dihadapi Muslim Uyghur. NGO antarabangsa telah menjadi salah satu pemain yang paling berpengaruh dalam usaha memberi bantuan kemanusiaan kepada Muslim Uyghur yang terjejas, dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan yang signifikan di peringkat global (Schmelter, 2019), bertindak sebagai kuasa moral yang berusaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan manusia secara holistik. Ini sejajar dengan tujuan penubuhan NGO untuk melaksanakan visi, misi dan aktiviti kemanusiaan yang pelbagai (Abdul Rashid & Mohd Salleh, 2020). Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bukan hanya mempengaruhi kerajaan di peringkat domestik, malah melibatkan peringkat antarabangsa.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### Sejarah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

ABIM ialah sebuah Badan Masyarakat Madani (CSO) yang mewakili pergerakan belia Islam di Malaysia. ABIM telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 dan didaftarkan secara rasmi di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada 17 Ogos 1972. Berikutan semakan terhadap Dasar Belia Negara pada tahun 2009, ABIM telah didaftarkan penubuhannya di bawah Akta Pertubuhan-pertubuhan Belia 2007, yang merupakan Pemenang Anugerah Penarafan 5 Bintang dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 2013, 2014, 2018 dan 2019 serta Anugerah Maulidur Rasul bagi kategori NGO Islam Terbaik dari Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) pada tahun 2018 dan 2019.

Selain itu, ABIM telah turut memperoleh tiga anugerah daripada Gabungan Jawatankuasa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam, iaitu Kategori NGO Aktif, Kategori Program Terbaik (RTD Uighur) dan Kategori Modul Dakwah – *Islamic Outreach ABIM (IOA)*. Justeru itu, kajian daripada IMAN Research meletakkan ABIM sebagai antara 10 CSO yang paling berpengaruh di Malaysia untuk tahun 2020 - 2021 bagi isu Uyghur dengan menyatakan bahawa:

“Kita wujudkan sebuah lagi NGO dikenali dengan Uyghur-Malaysia Relations Organization/ Organisasi Perhubungan Uyghur-Malaysia (UMRO). Penubuhan UMRO ini sebagai satu inisiatif gabungan kami bersama International Union of East Turkistan Organizations (IUETO) dan pelancaran tersebut diadakan di KL pada 2 Mac 2023.”

Usaha ABIM ini dilihat sebagai satu langkah lanjutan pemfokusan isu dan advokasi Uyghur dalam konteks kebijakan diaspora Uyghur seluruh dunia. Ini sejajar dengan matlamat utama UMRO, iaitu untuk mengukuhkan mekanisme perlindungan dan memperjuangkan hak-hak Uyghur. Antaranya, dengan membentuk hubungan secara bersepada dengan kerajaan

Malaysia, institusi-institusi dan masyarakat awam. Pertubuhan UMRO menjadi satu mekanisme memperjuang dan mengadvokasi hak Uyghur diaspora dan membina hubungan baik.

Hal ini bertujuan mewujudkan platform inovatif bagi mempromosikan budaya Uyghur dan pelbagai isu lain, khususnya dalam usaha memperjuangkan hak-hak Uyghur di seluruh dunia. Menurut Nazri dan Sulaiman (2020) NGO ini sentiasa digerakkan secara beriringan dalam kalangan NGO, pemerintah, para perwakilan serta wakil rakyat. Organisasi Perhubungan Uyghur-Malaysia (UMRO) ditubuhkan lebih spesifiknya dengan memfokuskan aspek advokasi Uyghur yang selama ini telah digerakkan oleh ABIM, yang bukan hanya advokasi pada peringkat tempatan dan antarabangsa sahaja.

## Aktiviti-aktiviti

Pelbagai bentuk aktiviti bantuan kemanusiaan yang digerakkan dalam usaha membantu Muslim Uyghur. Berdasarkan dapatan temu bual dengan wakil ABIM dan sumber primer ABIM, pengkaji berjaya mengemukakan beberapa bentuk-bentuk bantuan kemanusiaan terhadap Muslim Uyghur terutamanya mereka yang menjadi pelarian adalah:

### Pendidikan

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) turut mengambil inisiatif untuk memberikan bantuan melalui bidang pendidikan. Hal ini bagi memastikan bahawa pelarian Uyghur memperoleh akses kepada pendidikan yang selayaknya. Salah satu cara yang telah dilakukan adalah melalui sistem pendidikan sekolah-sekolah sepertimana berlaku di Turki, yang memberikan fleksibiliti dan menawarkan peluang kepada Muslim Uyghur untuk terus mempelajari bahasa dan budaya mereka sendiri. Pendekatan ini membantu mengidentifikasi bakat dan kebolehan yang dimiliki oleh Muslim Uyghur dan membantu mereka mengembangkan potensi tersebut ke peringkat yang lebih tinggi. Terdapat juga usaha lain digerakkan ABIM melibatkan pendidikan seperti mana jadual berikut:

Jadual 1 Sumbangan Penerbitan Pendidikan

Penerbitan	Tajuk	Tahun Terbit	Tempat
Buku	Kenali Uyghur dan Turkistan Timur: Sejarah Ringkas	10/2022	ABIM PRESS
	“Pencerobohan Parti Komunis China ke Atas Turkistan Timur: Sejarah Ringkas”	4/2023	
	“Peperangan China Terhadap Islam: Projek Penghapusan Identiti Islam di Turkistan Timur”	4/2023	
	“Tindakan Genosid Kerajaan China: Penghapusan Etnik dan Identiti Muslim	4/2023	

---

### Uyghur di Turkistan Timur”

“Seruan Muslim Uyghur Kepada Umat Islam Di Bulan Ramadan”	4/2023
“ <i>The Unspoken Tragedy: China’s Brutal Separation of Uyghur Children and Families</i> ”	6/3/2024
“ <i>Uyghur Genocide: Unveiling China’s Cultural Erasure and Economic Ambitions in East Turkistan</i> ”	14/3/2024

---

Berdasarkan Jadual 1, sumbangan dalam bentuk penerbitan buku berkenaan Uyghur dilakukan, melibatkan terjemahan ke dalam pelbagai bahasa. Usaha dilakukan ABIM bagi membantu Muslim Uyghur mendapatkan sesuatu maklumat dengan pantas dan mudah melibatkan bantuan yang dilaksanakan NGO. Penerbitan dihasilkan banyak memfokuskan kepada isu-isu semasa serta sejarah bermulanya penindasan serta dasar genosid di China. Ini kerana China telah secara aktif mengatur usaha untuk mempengaruhi pendapat umum di negara-negara Arab, bagi memastikan bahawa suara-suara yang menentang pembunuhan beramai-ramai di Turkestan Timur tidak mendatangkan impak yang besar terhadap kerajaan China.

Begini juga, dengan empat daripada lima buah buku yang diterbitkan ABIM merupakan sebahagian “Korpus Turkistan Timur”. Ini merupakan siri buku dan e-buku yang disiarkan dalam laman rasmi ABIM yang diterjemahkan daripada bahasa Arab dan Inggeris hasil karya para aktivis Uyghur. Buku ini mendapat sambutan yang hangat dan penting, kerana dalam usaha untuk mendidik para pembaca mengetahui tentang sejarah Uyghur, penjajahan China di Turkestan Timur, perang China terhadap Islam dan genosid Uyghur melalui jalan ilmu.

### **Memorandum dan Demonstrasi**

Bantuan dilakukan ABIM melalui penyerahan memorandum dan demonstrasi yang diselenggarakan turut diadakan seperti mana tercatat pada Jadual 2 berikut:

**Jadual 2 Program Penyerahan Memorandum dan Demonstrasi**

Program	Tajuk	Tarikh	Tempat
Memorandum dan Demonstrasi	Memorandum Kepada Kedutaan (Peringatan Peristiwa Urumqi – Penindasan Terhadap Etnik Uyghur)	Bantahan China 5/7/2023	Kedutaan Republik China, Malaysia Besar Rakyat

Pendekatan bantuan ini diambil sebagai suatu langkah bagi menarik simpati masyarakat global, aktivis maupun ahli akademik. Demonstrasi yang dilakukan oleh ABIM adalah dalam bentuk protes yang melibatkan suara orang ramai, bertujuan menonjolkan situasi kemanusiaan serta menuntut ditamatkan pembunuhan beramai-ramai terhadap Muslim Uyghur oleh pihak berkuasa di Turkestan Timur. Situasi Turkestan Timur di China telah merosot secara mendadak, hampir setiap aspek menjadi lebih teruk. Kebebasan beragama, kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun hampir tidak wujud, kerana beberapa siri undang-undang dan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan China telah membatasi hak asasi ini.

Oleh itu, demonstrasi dijalankan dengan harapan agar China menutup kem tahanan dan segera membebaskan semua yang ditahan secara sewenang-wenangnya. Di samping itu, China perlu memberikan kerjasama dalam mendedahkan nama, lokasi dan status terkini semua mereka yang telah kehilangan di negara itu dan menghentikan dasar asimilasi budaya paksa serta kejuruteraan semula sosial yang ditumpukan kepada Muslim Uyghur. Melalui protes demonstrasi ini, masyarakat ingin mengingatkan kerajaan China bahawa dunia mengetahui apa yang sedang berlaku, dan Muslim Uyghur tidak akan menderita dalam diam atau kesepian. ABIM mempunyai pengaruh yang sangat kuat dimiliki dan dikenali di seluruh diaspora dalam usaha memperjuangkan nasib Muslim Uyghur.

## Khidmat Nasihat dan Guaman

Keprihatinan ABIM yang menggerakkan sokongan dan menawarkan khidmat nasihat dilihat sebagai bentuk bantuan kepada Muslim Uyghur yang menjadi pelarian. Hal ini demikian kerana mereka menghadapi masalah apabila terperangkap di negara ketiga, justeru bakal berisiko dihantar pulang ke China semula. Begitu juga mereka yang ditangkap oleh imigresen atau polis akan dijadikan sebuah kes yang perlu dibicarakan di mahkamah. Hakikatnya, usaha Muslim Uyghur melarikan diri ialah cara untuk menyelamatkan diri daripada sebarang penindasan dan kezaliman, agar mendapat kehidupan yang lebih baik. Antara bentuk keprihatinan yang ditunjukkan oleh ABIM adalah dengan sedaya upaya berusaha membantu pelarian Uyghur untuk melarikan diri ke negara selamat, menyediakan perkhidmatan peguam, serta khidmat nasihat kepada komuniti Uyghur. Antara pengalaman bantuan yang pernah dilalui sendiri oleh ABIM adalah sebagaimana berikut:

“Saya dihubungi oleh pemerintah Kerajaan Malaysia iaitu polis untuk mendapatkan khidmat nasihat legal dan menggunakan peranan NGO saya untuk menjadi peguam kepada Uyghur. Mereka mula menceritakan terdapat beberapa orang komuniti Uyghur melarikan diri daripada China untuk masuk ke Malaysia. Mula-mula mereka memasuki melalui Thailand, kemudian berjaya memasuki Malaysia. Ditangkap oleh sepasukan polis kerana tidak memiliki pasport dan dokumen diri yang sah. Perkara tersebut telah menjadi kes polis lalu dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan.”

Merujuk kepada perkongsian daripada ABIM, ketiadaan pasport dan dokumen diri yang sah menjadi cabaran bagi individu Muslim Uyghur untuk membuktikan identiti mereka.

Sedangkan ketiadaan pasport atau pengenalan diri tersebut adalah salah satu misi rasmi Muslim Uyghur bagi melindungi diri mereka dari dikenal pasti oleh pihak berkuasa China. Akibatnya, hal ini bakal membuka ruang kepada mereka untuk diantar pulang ke China dan mungkin dihukum atau dibunuh sebagai Muslim Uyghur. Oleh itu, apabila menyebut nama ABIM di Eropah dan di seluruh diaspora negara, kita pasti mengenali bentuk bantuan yang telah disalurkan iaitu khidmat nasihat dan guaman.

## **Harapan ABIM Terhadap Masa Depan Muslim Uyghur**

Sungguhpun, pelbagai usaha telah dilakukan ABIM bagi membantu Muslim Uyghur, namun, usaha tersebut masih belum memadai untuk menangani isu kemanusiaan yang hebat ini. Malah, polemik kemanusiaan yang sedang berlaku di Turkestan Timur tidak menunjukkan sebarang tanda untuk berakhir. Penindasan terhadap Muslim Uyghur harus dihentikan dan ditegah. Ini kerana masa depan Muslim Uyghur masih cerah atas beberapa faktor, seperti kerapuhan sistem komunisme China, kesanggupan lebih banyak pejuang Islam untuk membela isu Muslim Uyghur yang selama ini terkekang oleh manipulasi media utama dan algoritma media sosial. Wakil ABIM menyatakan bahawa,

“Orang Islam Uyghur sedang menghadapi ancaman eksistensi dan sedang mengalami tempoh paling gelap dalam sejarah mereka. Namun begitu, kami percaya bahawa kezaliman dan penindasan akan berakhir lambat laun, kerana masa depan bagi Turkestan Timur masih cerah asalkan ramai para pejuang Islam optimis untuk membantu membangun semula negara mereka.”

Oleh itu, ABIM dilihat sentiasa menunjukkan sikap positif dan bertekad untuk membantu mengangkat isu di Xinjiang kepada pengetahuan masyarakat dunia. Beberapa kajian lepas, termasuk kajian oleh Buntinx and Colli (2021), menjelaskan bagaimana NGO bekerja keras untuk menggabungkan masalah, dasar dan aliran politik, bagi meningkatkan kesedaran tentang pencabulan hak asasi manusia serta menyediakan maklumat yang berharga bagi memudahkan bantuan diberikan kepada Muslim Uyghur. Pelbagai perancangan ke depan berjaya dikenal pasti seperti meneruskan kerjasama dengan negara-negara Barat untuk memastikan China bertanggungjawab atas kekejamannya (Abdulbakieva, 2022).

## **Kesimpulan**

Penderitaan kemanusiaan yang dilihat seperti tiada penghujungnya di Turkestan Timur. Namun, usaha yang dimainkan oleh ABIM memberi impak dan pengaruh yang signifikan terhadap masyarakat global hari ini. Aktiviti-aktiviti yang digerakkan mendapat penyertaan yang luar biasa dan telah memberi kesan positif kepada ABIM untuk terus mengorak langkah merancakkan bantuan kemanusiaan di Turkestan Timur. Pengkaji dapat mengenal pasti bahawa aktiviti bantuan yang digerakkan oleh ABIM adalah cenderung bercorak advokasi berbanding operasi kerana mempunyai variasi hubungan yang baik dengan pelbagai pihak. Justeru itu, bentuk bantuan yang disediakan adalah seperti pendidikan, perundingan, khidmat nasihat, dan

guaman. Pengkaji mencadangkan agar bentuk bantuan yang akan datang oleh ABIM fokus kepada kaedah operasi berbanding advokasi yang telah dilakukan sebelum ini, agar seimbang pendekatan bantuan yang disalurkan oleh ABIM kepada Muslim Uyghur di Turkestan Timur. Hal ini agar ABIM mampu membantu Muslim Uyghur di Turkestan Timur mendapat kemudahan dalam segala aspek yang diingini.

## Rujukan

- Abdul Rashid, K. A., & Mohd Salleh, M. M. (2020). Garispanduan Pendekatan Syariah Terhadap Pengurusan Komisen Dana Awam Oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs). *Journal Al-'Abqari*, 25(1), 154–169. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.312>
- Abdulbakieva, M. (2022). “Uyghur” or “Muslim”? Identity Development Among Uyghur Diasporas: A Case Study of Kyrgyzstan and Turkey. *Journal on Ethnopolitics and Minority Issues in Europe*, 19(1), 6–31. [https://www.ecmi.de/fileadmin/redakteure/publications/JEMIE\\_Date%20ns%C3%A4tze/Jemie\\_2020\\_1/01\\_Abdulbakieva.pdf](https://www.ecmi.de/fileadmin/redakteure/publications/JEMIE_Date%20ns%C3%A4tze/Jemie_2020_1/01_Abdulbakieva.pdf)
- Acim, R. (2019). Islamophobia, Racism and the Vilification of the Muslim Diaspora. *Islamophobia Studies Journal*, 5(1), 26. <https://doi.org/10.13169/islastudj.5.1.0026>
- Buntinx, A.-C., & Colli, F. (2021). Moral policy entrepreneurship: the role of NGOs in the EU's external human rights policy towards China. *Journal of Contemporary European Studies*, 30(3), 1–14. <https://doi.org/10.1080/14782804.2021.1963688>
- Fiadi, I. R. (2022). Tindakan Indonesia dan Arab Saudi dalam Isu Pelanggaran Hak Asasi Manusia Terhadap Etnis Uighur di Xinjiang pada Tahun 2019. *POPULIKA*, 10(2), 22–32. <https://doi.org/10.37631/populika.v10i2.510>
- McCabe, H., & Deng, G. (2018). “So They'll Have Somewhere to Go”: Establishing Non-governmental Organizations (NGOs) for Children with Autism in the People's Republic of China. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 29(5), 1019–1032. <https://www.jstor.org/stable/45105512>
- Nazri, A. S., & Sulaiman, N. (2020). Partisipasi NGO dalam Bantuan Kemanusiaan Terhadap Pelarian di Malaysia dan Sumbangannya ke Arah Penyatupaduan Masyarakat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 214–245. <https://ejournal.ukm.my/jebat/issue/view/1361>
- Nik Abdullah, N. K. (2023). Kerajaan Islam Andalus Sebagai Model Keharmonian Hubungan Etnik: The Muslim Government of Al-Andalus as a Model of Harmonious Ethnic Relations. *Al-Muqaddimah: Online Journal of Islamic History and Civilization*, 8(2), 17–27. <https://doi.org/10.22452/muqaddimah.vol8no2.2>
- Schmelter, S. (2019). Gulf States' Humanitarian Assistance for Syrian Refugees in Lebanon. *Civil Society Knowledge Centre*, 1(1). <https://doi.org/10.28943/csckc.001.70000>
- Wang, Y. (2022). See the Responsibilities of Professional News Agencies and NGOs in The Networked Digital Age Through the Xinjiang Cotton Campaign of China. *Proceedings of the 2021 International Conference on Social Development and Media Communication (SDMC 2021)*, 631. [10.2991/assehr.k.220105.071](https://doi.org/10.2991/assehr.k.220105.071)